

04/07/2003

Tidak adil salahkan Uda sepenuhnya: Nazri

Ridzuan Yop

KUALA LUMPUR: Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz,

menafikan kelewatan beberapa projek perumahan yang dikhaskan di kawasan orang Melayu di Pulau Pinang berpunca daripada kelemahan Perbadanan Pembangunan Bandar (Uda).

Beliau berkata, menyalahkan Uda sepenuhnya dalam beberapa projek di sekitar Pulau Pinang adalah tidak adil kerana pihak Uda sudah melakukan yang terbaik bagi menanganinya, tetapi banyak masalah lain turut menyumbang.

Nazri berkata, antaranya ialah krisis ekonomi pada 1997 dan juga faktor

kelewatan pihak berkuasa tempatan (PBT) di Pulau Pinang memberikan kelulusan terhadap projek perumahan yang mahu dilaksanakan.

Katanya, permohonan bagi mendapatkan kelulusan melaksanakan sesuatu projek di Pulau Pinang mengambil masa terlalu lama untuk diluluskan oleh PBT terbabit.

"Oleh itu, jangan ada pihak yang cuba menyalahkan Uda semata-mata kerana

kelewatan projek itu kerana ia turut membabitkan PBT di negeri berkenaan,'

katanya ketika diminta mengulas mengenai tuduhan bahawa orang Melayu terus

hidup dalam kawasan perumahan yang disifatkan seperti penempatan `sebelum

perang' kerana kegagalan Uda melaksanakan projek yang diserahkan oleh Kerajaan Pulau Pinang kepadanya.

`Sebagai pihak yang diberi tanggungjawab membina rumah, sudah tentu mereka mahu bangun kawasan yang diberikan kepada mereka (Uda),' katanya

pada sidang media selepas melancarkan pameran kehidupan pintar Intel di kompleks beli-belah MidValley di sini, semalam.

Pada 24 Mei lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika merasmikan projek tebus guna tanah Tanjung Pinang, Tanjung Tokong,

Pulau Pinang, menegur proses pembangunan tidak seimbang di negeri itu.

Dr Mahathir, dipetik sebagai berkata walaupun Pulau Pinang mencapai pembangunan pesat dalam pelbagai bidang termasuk menyaksikan pembinaan banyak bangunan pencakar langit, namun masih ada rakyatnya tinggal di rumah tidak selesa, termasuk rumah kayu yang usang, seolah-olah seperti penempatan sebelum perang.

Perdana Menteri berkata, masih ada rumah tidak begitu selesa yang diperbuat daripada kayu seperti biasa dilihat ketika beliau datang ke negeri ini pada 1950-an dulu.

Bagaimanapun, Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, berkata kerajaan negeri sudah menyerahkan 16 hektar tanah tebus guna kepada Uda untuk membina rumah mampu milik di kawasan berkenaan pada 1990-

an, tetapi tidak dilaksanakan.

Sementara itu, Nazri berkata, kerajaan akan membuka peluang kepada siswazah yang masih belum mendapat kerja dengan menyediakan latihan bagi mereka menceburi perniagaan dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

Beliau berkata, kementeriannya ada menyediakan peruntukan khas bagi tujuan itu, untuk membolehkan siswazah mendapat latihan yang berkaitan bagi membolehkan mereka membuka perniagaan berkaitan seperti siber kafe.

"Kita (kementerian) sentiasa merancang peluang perniagaan untuk siswazah berkenaan dengan bidang yang setaraf dengan pendidikan dan kemahiran mereka bagi membolehkan mereka menjadi usahawan berjaya satu hari nanti," katanya.